

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: BERITA HARIAN (NASIONAL)

TARIKH: 11 OGOS 2019

MUKA SURAT: 58

Remaja Ireland hilang



Anggota Unit Anjing Pengesan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melakukan misi pencarian di lokasi Nora Anne dilaporkan hilang. (Foto Adzlan Sidek/BH)

## Kawasan pencarian Nora dikecilkan

Usaha pencarian masuk hari ketujuh gagal peroleh sebarang petunjuk kukuh

Oleh Siti Azila Alias dan Azzaman Jamal  
bhnews@bh.com.my

**Seremban:** Semalam genap seminggu remaja Ireland, Nora Anne Quoirin, hilang dari resort penginapannya di Pantai, di sini dan pencariannya masih menemui jalan buntu.

Bermula semalam, kawasan pencarian Nora Anne, 15, dikecilkan daripada enam kilometer (km) kepada empat kilometer ketika pihak berkuasa risau keadaannya selepas seminggu dan beberapa lama dia boleh bertahan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Mohamad Mat Yusop, berkata ini kerana mangsa dipercayai berada dalam lingkungan kawasan itu.

Bagaimanapun, katanya, kekuatan anggota pasukan mencari dan menyelamat (SAR) ditambah kepada 317 orang semalam, berbanding 261 orang kelmarin termasuk perkhidmatan Komando VAT 69.

"Skala pencarian dikecilkan kepada empat zon iaitu empat km

radius kerana kita percaya mangsa tidak akan pergi jauh dan petugas SAR akan membuat penelitan lebih terperinci di kawasan pencarian.

"Lokasi pencarian tertumpu kepada kawasan curam, celah batu dan semak serta kawasan penginapan keluarga. Usaha pencarian yang memasuki hari ketujuh hari ini, masih gagal memperoleh sebarang petunjuk kukuh," katanya pada sidang media di Balai Polis Pantai, di sini, semalam.

Mohamad berkata, operasi SAR tetap diteruskan hari ini walaupun umat Islam menyambut Aidiladha.

"Anggota yang beragama Islam akan diberi pelepasan untuk memunaikan Solat Sunat Aidiladha.

"Kami juga bimbang dengan keadaan Nora Anne kerana kini sudah masuk hari ketujuh. Kita tak tahu berapa lama dia boleh bertahan.

"Kita tak tetapkan lagi tarikh untuk menghentikan operasi ini. Ia bergantung kepada keadaan dan petunjuk yang diperolehi," katanya.

Semalam, ibu remaja berkenaan, Maebh Jaseprine Quoirin, kali pertama bercakap dengan pihak berkuasa yang terlibat dengan SAR untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih keluarga.

Jaseprine Quoirin, tampil bersama suaminya, Sebastian Marie Philipe.

"Kami ingin mengucapkan te-

**Kami juga bimbang dengan keadaan Nora Anne kerana kini sudah masuk hari ketujuh. Kita tak tahu berapa lama dia boleh bertahan.**

Mohamad Mat Yusop,  
Ketua Polis Negeri Sembilan

rima kasih kepada semua, kami sedar anda melakukan pencarian siang dan malam untuk mengesan Nora Anne.

"Kami tahu anda berusaha gigih dan sanggup mengorbankan masa terutama perayaan (Aidiladha) untuk bersama kami serta mendoakan kami.

"Kami sangat menghargai usaha dan pengorbanan anda semua sama ada anggota yang berada di sini atau tidak (yang sedang melakukan operasi)," katanya kepada pihak berkuasa dalam satu pertemuan yang dirakamkan menerusi video berdurasi seminit, di sini, semalam.

Ucapan pada pertemuan tertutup di pekarangan resort itu dirakam dan dikongsikan oleh polis kepada petugas media di lokasi.

Jaseprine Quoirin turut melaungkan rasa kagum dengan usa-



Ahli keluarga Nora Anne ketika perjumpaan tertutup di Bilik Gerakan Operasi Mencari dan Penyelamat (SAR). (Foto ihsan PDRM)



Mohamad bersama Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan, Che Zakaria Othman pada sidang media di Balai Polis Pantai, semalam.

(Foto Iqmal Haqim Rosman/BH)

ha dan kepakaran yang ditonjolkan pasukan SAR dalam usaha mengesan anak sulungnya itu.

"Kami berharap pasukan SAR dapat menemui Nora," katanya.

Sementara itu, Tok Batin Kampung Kolam Air Pantai, Ali Ngogor, berkata penduduk beberapa kampung Orang Asli di sini merancang membantu mencari remaja itu menggunakan kaedah tradisional tersendiri mengikut kepercayaan masing-masing.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas kaedah akan digunakan

kerana bimbang melanggar pantang-larang kepercayaan mereka.

"Kalau boleh kita cuba cara orang kita. Kita hanya boleh ikhtiar kerana berjaya atau tidak, itu adalah ketentuan Tuhan.

"(Kaedah tradisional) ini rahsia. Kita belum buat lagi sebelum ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui semalam.

Ali berkata penduduk Orang Asli turut aktif menyertai operasi SAR sejak beberapa hari lalu, bagaimanapun tidak menemui sebarang hasil.